



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)
Faks : 082-424489
E-mel : pmswk@treasury.gov.my
Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Rujukan Kami : PKP(S)124 Jld. 11 (7)

Tarikh: 22 Oktober 2021

15 Rabiulawal 1443H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

YB Datuk Amar/Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING

PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 4 TAHUN 2021

**KENAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM
PEROLEHAN KERAJAAN BAGI:**

- i. KONTRAK PUSAT BAGI MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR
DAN MEMASANG PERABOT JENIS KAYU KEPADA SEMUA
JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI 'A',
'B', 'C' DAN PRA SEKOLAH) DAN SEMUA BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN SELURUH NEGERI SARAWAK;**

- ii. **KONTRAK PUSAT BAGI MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERABOT JENIS KERUSI FABRIK, MEJA BERANGKAI BESI/LOGAM/KAYU KEPADA SEMUA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI 'A' & 'B') DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SELURUH NEGERI SARAWAK; DAN**
- iii. **KONTRAK PUSAT BAGI MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERABOT JENIS LOGAM KEPADA SEMUA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI 'A' & 'B') DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SELURUH NEGERI SARAWAK**

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kenaikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan bagi item Kontrak Pusat Perabot Kayu, Fabrik dan Logam Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai **1 September 2018** berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].
- 2.2 Perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada dasar kenaikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) dan Jabatan/Agensi hendaklah memastikan sebarang perolehan yang hendak dilaksanakan mematuhi dasar kenaikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) agar ianya teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan selaras dengan **1PP – PK1.3: Dasar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan.**

2.3 Harga bagi item Kontrak Pusat Perabot Kayu, Fabrik dan Logam PMS sebelum tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah harga bersih **TERMASUK** kos penyerahan, penghantaran serta kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).

3.0 PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN ITEM KONTRAK PUSAT PERABOT KAYU, FABRIK DAN LOGAM PMS

3.1 Mulai dari tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini, harga item Kontrak Pusat adalah harga bersih termasuk kos penyerahan dan penghantaran. Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) **TIDAK** termasuk di dalam harga bersih tersebut. Justeru itu, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) akan dikenakan oleh pembekal sebagai caj tambahan kepada setiap perolehan item Kontrak Pusat berkaitan.

3.2 Sebarang cukai yang dikenakan kepada pembekal sebelum tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah ditanggung oleh pihak pembekal dan **TIDAK** dibenarkan untuk menuntut pembayaran balik daripada Kerajaan.

4.0 PENGECUALIAN DARIPADA KENAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

4.1 Pengecualian daripada kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) hendaklah dibuat dengan pengeluaran Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Pengecualian tersebut hendaklah dibuat **ATAS TALIAN** melalui sistem MySST di pautan www.mysst.customs.gov.my tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4.2 Bagi mematuhi 1PP-PK1.3 tersebut, pihak Jabatan/Agensi yang melaksanakan perolehan berkaitan item Kontrak Pusat Perbendaharaan Malaysia Sarawak, **WAJIB** membuat permohonan pengecualian Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJPC) melalui pautan www.mysst.customs.gov.my. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) oleh pihak pembekal.

5.0 Kerjasama dari semua Jabatan/Agensi diharap dapat mematuhi arahan ini dan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, pihak YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi:-

- (i) Puan Jastina binti Jamil
☎ 082-421333 (sambungan 500)
✉ jastina.jamil@mof.gov.my
- (ii) Puan Sharifah Nur Salikin Binti Wan Habib Sabli
☎ 082-421333 (sambungan 502)
✉ salikin.sabli@mof.gov.my

6.0 KUATKUASA

6.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **25 Oktober 2021**.

6.2 Surat Pekeliling ini, 1PP-PK1.3 dan Surat Pekeliling berkenaan dengan item Kontrak Pusat Perabot Kayu, Fabrik dan Logam yang dikeluarkan sebelum ini perlu **DIBACA BERSEKALI**.


Pekeliling PMS berkaitan;

- i) Surat Pekeliling Kontrak PMS Bilangan 1 Tahun 2020;
- ii) Tambahan Pertama Surat PMS Bilangan 1 Tahun 2020;
- iii) Surat Pekeliling Kontrak PMS Bilangan 2 Tahun 2021;
- iv) Tambahan Pertama PMS Bilangan 2 Tahun 2021;
- v) Tambahan Kedua PMS Bilangan 2 Tahun 2021;
- vi) Surat Pekeliling Kontrak PMS Bilangan 3 Tahun 2021;
- vii) Tambahan Pertama PMS Bilangan 3 Tahun 2021; dan
- viii) Tambahan Kedua Surat PMS Bilangan 3 Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia